



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	28/3/2021	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Tiga jam pindahkan Awang Sira, ibu ke Hutan Simpan Belum

GERIK – Seekor gajah jantan dan ibunya yang berkeliaran merosakkan tanaman penduduk di Felda Bersia di sini, berjaya dipindahkan Jabatan Pelindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak semalam.

Gajah berusia antara dua hingga tiga tahun yang diberi nama Awang Sira dan ibu, Mek Bersia berusia 30 hingga 35 tahun itu dipindahkan ke Hutan Simpan Belum dengan bantuan dua ekor gajah denak, Abot dan Rambai.

Berat dua ekor gajah itu masing-masing dianggarkan antara 1,800 hingga 2,000 kilogram (kg) dan 200 hingga 250 kg.

Pengarah Perhilitan Perak, Yusoff Shariff berkata, dua ekor gajah itu ditangkap dalam operasi disertai tujuh anggota dari Unit Tangkapan Gajah Perak (UTGP) pada Isnin lalu.

Katanya, operasi itu dijalankan selepas mendapat maklumat daripada penduduk kampung mengenai kehadiran mamalia itu berhampiran kebun mereka.

“Gajah ini menjadikan Hutan Simpan Temengor sebagai kawasan keliaran dan telah turun ke kawasan kampung untuk mencari makanan.

“Kehadiran haiwan itu telah



PERHILITAN menggunakan khidmat dua ekor gajah denak bagi memindahkan Mek Bersia dan anaknya ke Hutan Simpan Belum, Gerik semalam.

mendatangkan ketakutan kepada penduduk untuk ke kebun selain merosakkan tanaman seperti getah dan kelapa sawit,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, kumpulan gajah itu juga adalah gajah sama yang mengganggu kawasan di Felda Bersia, Kampung Sira Panas, Rancangan Penempatan Semula (RPS)

Banun, RPS Kemar, Lebuhraya Timur-Barat dan kawasan sekitar.

“Gajah ini merupakan gajah kedua yang ditangkap UTGP di kawasan ini dalam tempoh lima tahun di mana pada tahun 2019, seekor gajah jantan dewasa berjaya ditangkap di Kampung Bersia Lama dan dipindahkan ke Hutan Simpan Belum,” katanya.